

09 APR 2001

Mahathir-Pata (Bergambar)

PEMBANGUNAN BERKEKALAN DIUTAMAKAN DEMI PELANCONGAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 9 April, (Bernama) -- Malaysia akan terus memastikan industri pelancongan diuruskan atas konsep pembangunan berkekalan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata populariti dan permintaan yang terus meningkat bagi pelancongan alam semula jadi ataupun eko-pelancongan menjadikan pembangunan berkekalan penting bagi industri pelancongan.

Perdana Menteri berkata, ini menyebabkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengisytiharkan tahun 2002 sebagai "Tahun Antarabangsa Bagi Eko-Pelancongan".

"Di Malaysia, kerajaan telah menasihatkan mereka yang berhasrat memajukan projek-projek eko-pelancongan untuk mengamalkan sikap bertanggungjawab dan sensitif terhadap pemuliharaan alam sekitar," kata beliau dalam ucapan perasmian di persidangan tahunan ke 50 Persatuan Pelancongan Pasifik Asia (Pata) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Lebih kurang 2,000 perwakilan daripada sektor pelancongan dan berkaitan serta wakil media dari 55 negara menghadiri persidangan lima hari itu yang bertema "Masa Silam Yang Dibanggakan, Masa Depan Yang Penuh Harapan".

Dr Mahathir berkata menggalakkan pelancongan dunia yang saksama, bertanggungjawab dan berkekalan dalam konteks ekonomi dunia yang terbuka dan liberal harus menjadi tanggungjawab bersama semua pihak dalam industri pelancongan.

"Manfaat yang dibawa oleh pelancongan kepada negara-negara membangun jauh melebihi aspek negatif pelancongan," katanya.

Oleh sebab itu, Perdana Menteri berkata perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan budaya boleh disatukan dengan pembangunan ekonomi, jika pembangunan ekonomi itu dijalankan atas dasar berkekalan.

"Bagaimanapun pemuliharaan cara hidup penduduk pribumi demi kepentingan pelancongan, tidak harus menafikan mereka peluang untuk taraf hidup yang lebih baik dan kemudahan moden yang lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, usaha-usaha untuk memasarkan alam semulajadi sebagai tarikan pelancong harus mengambil kira kebersihan air, pencemaran sungai, tanah runtuh dan pemuliharaan spesis-spesis flora dan fauna yang dalam bahaya kepupusan semasa perancangan dan pembangunan destinasi pelancongan tertentu dibuat.

Dr Mahathir berkata ramai yang percaya eko-pelancongan mungkin merupakan harapan terbaik dalam menyelamatkan eko-sistem yang sangat sensitif.

"Dengan mewujudkan perniagaan laris yang membawa peluang bagi pelancong melawat dan menyaksikan sendiri beberapa daripada tempat-tempat di dunia yang benar-benar liar, termasuk hutan hujan tropika, syarikat-syarikat pengembaraan dan pelancongan yang sensitif terhadap alam sekitar dengan bantuan kerajaan boleh membantu memulihara sebahagian daripada persekitaran semulajadi umat manusia," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau lagi, Malaysia telah melabur banyak sumber dalam membina infrastruktur yang perlu bagi industri pelancongan dan juga insentif-insentif bagi membangunkan sektor itu dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Lapan.

Dalam konteks Malaysia, sektor pelancongan adalah pembawa besar pertukaran asing, iaitu kedua selepas perkilangan dengan pada 1999 Malaysia mendaftarkan sejumlah 7.93 juta ketibaan pelancong yang membawa pulangan AS\$3.24 bilion, yang terbesar dalam sejarah industri itu di negara ini.

Dr Mahathir berkata pertumbuhan yang menggalakkan bagi 1999 dapat terus dirasai pada tahun 2000, dengan Malaysia mencapai rekod baru dalam ketibaan pelancong iaitu 10.22 juta ketibaan, iaitu ketiga tertinggi selepas China dan Hong Kong.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah membuat pelaburan besar bagi membantu industri pelancongan dan insentif untuk menggalakkan sektor itu telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan.

"Kita sentiasa membantu mereka. Ramai yang mengalami kesusahan semasa kelembapan ekonomi tetapi mereka kini pulih dan baru menyiapkan projek lama, bukan memulakan projek baru," katanya.

Walaupun sekarang sudah ada lebih bilik daripada permintaan, Dr Mahathir berkata tidak lama lagi akan wujud keperluan untuk meningkatkan kemudahan dan produk.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan New Zealand sama ada ketibaan ramai pelancong akan mendatangkan risiko kepada aspek-aspek budaya dan agama di Malaysia, Dr Mahathir berkata ia menjejaskan hanya kumpulan kecil, terutama yang mempunyai pandangan melampau mengenai agama.

"Keseluruhannya, rakyat Malaysia sangat bertoleransi. Kami hidup dalam masyarakat berbilang budaya sejak sekian lama," katanya.

Pengerusi PATA, M.P. Bezbaruah berkata kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat tidak akan menjejaskan pelancongan di rantau ini memadamkan Asia Pasifik merupakan rantau yang paling cepat berkembang daripada segi pelancongan.

Beliau berkata Asia Pasifik mencatatkan antara enam dan lapan peratus pertumbuhan berbanding kadar pertumbuhan dunia sebanyak 4.3 peratus.

-- BERNAMA

AR AR LAT NMO